

Manifestasi Imej Burung dalam Puisi Pengap Gawai Pangkung Tiang

Manifestation Image of Birds in the Poetry of Pengap Gawai Pangkung Tiang

Bejamin Anak Liam*

Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Rajang, Jalan KJD, 96509 Bintangor, Sarawak, Malaysia

*Corresponding author: bejamin6859@gmail.com

Received: 11 Jun. 2024; **Revised:** 17 April 2025; **Accepted:** 22 April 2025; **Published:** 30 June 2025

To cite this article (APA): Liam, B. (2025). Manifestasi Imej Burung dalam Puisi Pengap Gawai Pangkung Tiang. *PENDETA*, 16(1), 34-42. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.4.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.4.2025>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis imej burung dalam puisi *pengap gawai pangkung tiang*. Puisi *pengap* dicipta melalui pemikiran *lemambang* menggunakan simbol, penanda dan petanda untuk memberikan makna tertentu. Generasi muda kurang berminat mempelajari puisi ini kerana kurang kefahaman tentang imej yang memberi makna dalam teks *pengap*. Kegagalan menterjemahkan makna menyebabkan proses menyampaikan maklumat kepada generasi berikutnya terganggu. Budaya yang unik seperti puisi *pengap* perlu diperkayakan dari aspek struktur ayat untuk melahirkan sebuah puisi kreatif seiring dengan peredaran masa. Kaedah kajian menggunakan pendekatan kualitatif dan menggabungkan kajian kepustakaan dengan kajian lapangan. Temu bual semi-berstruktur dimanfaatkan dalam kajian ini bagi merungkai imej burung dalam puisi *pengap*. Data diperoleh dari temu bual dianalisis menggunakan model Bogdan dan Biklen (2007) supaya imej burung dapat diterjemahkan. Sampel kajian diperoleh daripada tiga orang *lemambang*. Pemilihan sampel dijalankan berlandaskan kewibawaan dan kemahiran mereka sebagai pemuisi puisi *pengap gawai pangkung tiang*. Instrumen kajian ialah teks puisi *pengap gawai pangkung tiang* yang dilafazkan *lemambang*. Dapatan kajian mendapati tujuh imej burung digunakan dalam puisi *pengap gawai pangkung tiang*. Imej digunakan dalam puisi *pengap* kerana memberikan petanda yang baik berdasarkan kepercayaan orang Iban dan fungsinya kepada mereka. Implikasi kajian dapat dijadikan sumber rujukan untuk pengkaji sastera rakyat dan mewariskan puisi ini kepada generasi akan datang.

Kata kunci: puisi; imej; pengap; gawai pangkung tiang

ABSTRACT

The study aims to analyze the image of birds in the Poetry of *Pengap Gawai Pangkung Tiang* in Iban's Culture. The Pengap Poetry was created based on *Lemambang's* perspective about the symbols, signs and markers that were used to give specific meaning. The younger generation shows less interest in learning this poem due to a lack of understanding about the image that have been used to deliver the poetry. The Failure to translate the meaning can cause the lost of of a crucial delivery of information for the next generation. A unique culture such as *pengap* poetry needs to be enriched through the aspect of verse structure to create a creative poem along with the circulation of time. The method of study uses a qualitative approach and combines literature study with field study. Semi-structured interview was utilized in this study to unravel the imagery of birds in *Pengap* poetry. Data obtained from the interview were analyzed using the Bogdan and Biklen (2007) model so that the elements of image could be translated clearly. The sample of the study was obtained from three *lemambang*. The sample selection was based on their authorities and skills as poets of *pengap gawai pangkung tiang* poetry. The study instrument is the text of the poem *pengap gawai pangkung tiang* recited by *Lemambang*. The study shows seven images of birds used in *Pengap Gawai Pangkung Tiang*. Images are used in *Pengap* Poetry because they provide good signs based on the beliefs of the Iban people and their functions to them. The implication of the study can be used as a reference source for folk literature scholars and to be passed on to the future generations.

Keywords: poem; image; pengap; gawai pangkung tiang

PENDAHULUAN

Budaya masyarakat Iban terbentuk di rumah panjang yang melahirkan identiti kaum Iban. Identiti ini dapat dilihat dari aspek kehidupan termasuk nilai utama, kebiasaan harian, hukum dan pantang larang (Noria, 2014). Aspek ini juga merangkumi pengamalan *leka main* tradisional masyarakat Iban seperti *pengap*. *Leka main* jenis ini dikategorikan sebagai puisi invokasi iaitu puisi *pengap* (zikir ritual) yang dilafazkan oleh *lemambang* (orang yang mahir tentang *leka main* atau pemuisi). Menurut Richard (1981), *pengap* dilafazkan atas tujuan menyeru Tuhan bagi tujuan memohon keberkatan. Manakala menurut Sutlive (1994), menyatakan *pengap* sebagai perayaan memanggil deiti melalui puisi invokasi. Puisi *pengap gawai pangkung tiang* ialah perayaan pindah rumah. Tujuan gawai ini diraikan untuk meminta keberkatan seperti harta, kekayaan dan sebagainya (Sandin, 1976).

Budaya sangat berkait rapat dengan kehidupan seharian. Petanda menjadi kepercayaan warisan yang diperturunkan kepada generasi berikutnya. Imej burung merupakan petanda warisan kepada orang Iban yang berkaitan dengan aktiviti pertanian, peperangan, perkahwinan, pemburuan, menilik nasib, kesihatan dan kesejahteraan hidup. Kehadiran burung dalam persekitaran orang Iban bagi menyampaikan kuasa luar biasa kepada pendengar melalui fenomena semula jadi alam (Sather, 1972). Fenomena ini mempengaruhi kehidupan harian orang Iban sehingga menjadi budaya tradisi mereka. Pakar ritual berpendapat mentafsir kemunculan imej burung berdasarkan beberapa kriteria bergantung kepada kosmologi burung seperti *burung manah* (burung baik) atau *burung jai* (burung jahat) dan ditafsir mengikut darjat atau pangkat pendengar burung tersebut. Sebagai contoh, imej *burung jai* tidak semestinya ditafsir memberikan petanda buruk kepada individu yang berharta, berpendidikan dan berdarjat. Kepercayaan ini turut menyamai kehidupan Yunani kuno berdasarkan doktrin sejarah zaman Rom menceritakan Dewa Zeus mengiriskan burung helang untuk membantu manusia (Freeman, 1957). Tafsiran terhadap imej burung mungkin berbeza berdasarkan kebudayaan dan kepercayaan masing-masing. Semua tafsiran imej burung perlu dilakukan secara terperinci dengan dimulai oleh upacara *ming* (Sandin, 1962). Kemunculan petanda burung dalam kepercayaan tradisi masyarakat Iban akhirnya dijemakan dalam puisi *pengap gawai pangkung tiang*.

Tinjauan Literatur

Kajian yang dijalankan oleh Patricia Anak Ganing (2016) yang bertajuk *Tanda, Penanda dan Petanda dalam Entelah Iban* menganalisis hubungan tanda, penanda dan petanda dalam entelah. Hubungan ini dilihat melalui naratif *entelah*. *Entelah* merupakan *leka main* orang Iban yang mempunyai *ulu lungga* (pembayang) untuk mencari jawapan. *Entelah* merupakan teka teki dan berfungsi sebagai hiburan. *Entelah* disampaikan melalui bahasa kiasan yang mempunyai maksud tersurat dan tersirat. Beliau menggunakan teori semiotik Charles Sanders Peirce untuk menghuraikan unsur tersebut. Sebagai contoh, petanda Dewi Kumang dan petanda pokok tualang telah dijumpai dalam kajian beliau. Dewi Kumang dalam kajian ini sebagai simbol kepada kuasa sakti yang memiliki kesantunan dan kejelitaan bagi wanita Iban. Tambahnya, manusia berhubung dengan roh melalui komunikasi spiritual (Patricia Ganing, 2024). Selain itu, terdapat kajian Melayu turut mengkaji aspek penanda ini untuk menunjukkan kebersamaan budaya orang Melayu dengan orang Iban. Simbol tumbuhan dalam pantun orang Melayu seperti simbol sayur-sayuran dan buah-buahan lahir dari pemikiran berpanduan persekitaran mereka (Eizah Mat Hussain, 2017). Simbol jagung melambangkan sesuatu yang berharga untuk menjadi rebutan ramai orang serta simbol kehidupan. Simbol burung pipit juga sebagai kiasan kepada golongan yang tamak. Menurut Benedict Sandin (1980), petani perlu berwaspada dengan tujuh burung *mali* iaitu tujuh menantu Singalang Burung kerana burung tersebut membawa pelbagai jenis petanda yang boleh memudaratkan hasil tanaman padi atau kepada petani.

Saripah Banseng dan Rosline Sandai (2017) dalam kajian bertajuk ‘Unsur Bahasa Kiasan Metafora Dalam Sampi Iban’. Kajian ini menerangkan penggunaan bahasa perlambangan seperti ayam jantan bagi menunjukkan kehebatan keperwiraan kaum lelaki. Mereka mengibaratkan ekor ayam jantan yang bercorak berkilauan dan berjurai panjang untuk menyerlahkan sifat kejantanan atau kelakian mereka. Penjelasan mereka merangkumi perlambangan unsur alam seperti haiwan dan manusia serta unsur bukan alam contohnya topi. Namun begitu, kegunaan ayam dalam upacara *bebiau* dijadikan korban. Darah ayam disapu pada telapak tangan menggunakan bulunya. Masyarakat Iban mempercayai

ia sebagai simbol rezeki diberikan oleh kuasa luar biasa dengan menadahkan tangan. Ayam mewakili pendinding roh (Jensen, 1974). Ayam *biring* (ayam berwarna perang, kehitaman dan sedikit putih) sangat disukai oleh *Petara* di dunia Panggau Libau. Penggunaan ayam dalam upacara sampi turut disokong oleh Noria Tugang (2022) menyatakan ayam digunakan untuk memanggil *Petara* atau entiti yang berada di persekitaran mereka termasuk alam kosmos. Antara *Petara* yang diseru menggunakan ayam ialah Simpulang Gana, Selempandai, Bunsu Ansu dan Orang Panggau Libau seperti Keling. Kehadiran *Petara* diseru menggunakan ayam akan menjamah piring yang telah disediakan.

Mazarul Hasan (2017), mengkaji fungsi simbol dalam mantera Melayu. Beliau telah menemui tujuh puluh enam jenis simbol yang dikelompokkan kepada simbol binatang, tumbuhan, alam kosmos, simbol benda dan simbol makhluk ghaib serta manusia. Terdapat kajian lain seperti Imej 'Arketaip dalam Puisi Sabak' oleh Laura Seman (2020) menerangkan imej arketaip dalam puisi tersebut. Imej hadir dari alam sekeliling seperti air. Beliau mentarifkan air sebagai penebusan atau penyucian. Kajian ini menggunakan konsep magis kerana puisi *sabak* memiliki ciri-ciri luar biasa. Imej seperti ini sangat unik kerana hanya difahami pemilik budayanya. Kepercayaan *beburung* ini bukan mempercayai burung semata-mata tetapi burung ialah jelmaan *petara* berdasarkan kepercayaan tradisi orang Iban (Benedict Sandin, 1980). Burung pada masa dahulu memiliki rupa seperti manusia sebelum berubah bentuk kepada burung dan tinggal jauh dengan manusia.

Freeman (1961) menerangkan adat *beburung* masyarakat Iban berkait rapat dengan kehidupan harian mereka. Singalang Burung merupakan penguasa dunia alam kematian. Oleh itu, beliau mempunyai spiritual untuk membantu manusia mencapai kejayaan. Bantuan boleh dipohon dari Singalang Burung dengan menyediakan (*piring*) persembahan. Namun, manusia perlu mendengar bunyi burung *ketupung*, *embuas*, *beragai*, *papau*, *bejampung*, *pangkas* dan *nendak* kerana menjadi petanda semasa memohon keberkatan. Burung *bubut* membawa petanda yang tidak baik sekiranya penghuni rumah mendengarnya berturut-turut selama tujuh hari. Ini menandakan mereka yang mendiami rumah tersebut akan mendapat musibah (Vinson & Joanne, 2001: 1307). Oleh itu, orang Iban sangat mempercayai bunyi burung membawa petanda kepada mereka. Terdapat juga pendapat lain yang menyokong dapatan ini seperti Harrison (1965) lihat juga Chemaline (2006) menerangkan kedengaran bunyi burung waktu malam membawa petanda penghuni jatuh sakit. Penjelasan ini membuktikan bunyi burung yang didengar waktu malam ataupun siang membawa buruk kepada orang Iban. Kajian yang dijalankan penyelidik ini mempunyai kaitan dengan penggunaan simbol burung dalam puisi *pengap gawai pangkung tiang*. Kajian lebih berfokus kepada terjemahan imej burung dalam puisi.

Permasalahan Kajian

Pengap merupakan sejenis puisi masyarakat Iban yang membentuk pemikiran pengamalnya seperti orang Iban (Steinmayer, 1990). *Pengap* sejenis puisi invokasi masyarakat Iban yang mempunyai makna dan fungsi tersendiri. Makna tersirat dan tersurat ini perlu difahami pengkaji puisi khususnya masyarakat Iban sendiri. Kehidupan orang Iban sangat menekankan perlambangan dalam pertuturan, tingkah laku dan perbuatan yang sukar difahami oleh penuturnya. Perlambangan melalui imej atau simbol ini sekiranya tidak dirungkai dalam puisi *pengap* terus menjadi tanda tanya dan kabur. Dengan adanya kajian ini, imej, lambang-lambang atau simbol boleh dirungkai dan difahami oleh masyarakat Iban sebagai penuturnya. Proses pembelajaran budaya melalui imej perlambangan atau simbol merupakan aspek penting dalam budaya. Budaya merupakan pengetahuan yang disampaikan dari individu kepada individu lain. Semua aspek budaya perlu dipindahkan menggunakan simbol dari ahli tua kepada golongan muda. Bahasa merupakan simbol yang sangat penting dalam budaya (Geertz, 1966). Ketiadaan bahasa untuk menjelaskan simbol menyebabkan manusia tidak dapat memperkayakan atau menerima maklumat secara simbolik.


OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ialah menganalisis imej burung yang terdapat dalam puisi *pengap gawai pangkung tiang*.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis maklumat daripada kajian lapangan. Teori semiotik Charles Sanders Peirce digunakan dalam kajian ini bertepatan dengan objektif kajian yang mengkaji imej burung dalam puisi *pengap gawai pankung tiang*. Data dikumpul hasil pemerhatian dan menyual sampel kajian. Dapatan kajian diteliti dan dibandingkan dengan kajian kepustakaan iaitu tinjauan literatur. Kajian hanya menggunakan cara temu bual, pemerhatian secara langsung dan kepustakaan untuk mendapatkan maklumat secara terperinci. Informan terdiri daripada tiga orang *lemambang* berdasarkan persampelan bertujuan. Hubungan dan interaksi dalam kajian ini dapat dilihat menggunakan model reka bentuk Maxwell (1996) seperti di bawah.

Rajah 1 Reka Bentuk Kajian adaptasi Maxwell (1996)




Prinsip-Prinsip Teori Semiotik Charles Sanders Peirce

Konsep tanda menurut Peirce (1965) menyatakan simbol-simbol merangkumi gambar dan angka. Keterangan ini membuktikan konsep simbol mengambil kira semua jenis bidang di lapangan untuk mengkaji bahasa dalam bentuk tanda. Bahasa mempunyai sistem yang wujud dalam bentuk kod-kod serta terikat dengan satu sama lain. Pendekatan semiotik Peirce ini dapat merungkai pola dan proses penciptaan sastera sehingga melahirkan sistem karya. Peirce (1965) mengelaskan tanda kepada tiga sub iaitu *representamen* (mewakili), *object* (objek) dan *interpretant* (tafsir) dikenalpasti melalui proses semiosis. Kewujudan tanda dapat dilihat melalui hubungan segi tiga yang saling berkait rapat secara terus menerus antara satu sama lain (Peirce, 1965: 274). Penggunaan tanda dalam karya secara langsung atau tidak langsung disebut sebagai *representamen*. Sebaliknya, tanda yang terarah, mengacu atau berfokus kewujudannya dikenali sebagai objek. Pengenalpastian simbol dan menterjemahkannya dikenali sebagai *interpretant*. Hubungan antara tiga sub ini terjalin melalui proses semiosis yang memberi nilai estetik kepada sesebuah karya. Semiotik Peirce sangat menekankan penggunaan simbol dalam sesebuah karya. Ini membuktikan setiap genre dalam karya mempunyai keistimewaan tersendiri sekiranya dimuatkan dengan simbol. Setiap simbol yang digunakan berdasarkan konteks bukan membandingkannya dengan karya lain. Dapat dilihat melalui puisi *pengap gawai pankung tiang*, simbol digunakan memberikan tafsiran berbeza sekiranya digunakan untuk konteks berbeza. Simbol burung dalam puisi *pengap gawai burung* boleh membawa musibah atau kebaikan kepada petani. Namun, simbol burung yang wujud dalam puisi *pengap gawai pankung tiang* memberikan petanda yang baik kepada pemilik rumah.

Analisis Data

Kajian ini telah menggunakan model analisis data serentak Bogdan dan Biklen (2007). Model ini menghendaki pengkaji mempunyai pengetahuan tentang teks pengkajiannya supaya memudahkan memahami keseluruhan teks (Weinsheimer, 1991). Berdasarkan kenyataan tersebut, wajarlah model ini diaplikasikan kerana pengkaji telah mempunyai pengetahuan awal tentang teks puisi *pengap gawai pangkung tiang* hasil dari kajian lepas yang dijalankan. Kefahaman umum tentang topik memudahkan proses pengumpulan data. Kajian ini perlu mengumpulkan bukti dan meneliti untuk membuat analisis data. Awalnya model ini digunakan dalam kajian ini untuk membentuk soalan temu bual tetapi dikembangkan untuk melaksanakan analisis kandungan bertujuan untuk membuat perbandingan dapatan data di lapangan dengan kajian kepustakaan.

Rajah 2 Analisis Secara Serentak diadaptasi dari Bogdan & Biklen (2007)



Pengkaji menulis memo pribadi tentang apa yang dipelajari. Memo ini menjadi asas untuk membuat refleksi berkenaan isu-isu yang timbul di lapangan dan bagaimana ia berkait dengan teori dan metodologi (Kvale, 2007). Pengkaji menggunakan beberapa idea dan tema tertentu untuk mendapatkan pandangan bagi memperkembangkan analisis. Cara ini sangat membantu pengkaji di lapangan kerana pengkaji meneroka literatur berkaitan dan dapat meningkatkan keberkesanan analisis serta meransang untuk mendapatkan maklumat lanjut. Pengkaji mengaitkan apa yang diperhatikan dengan isu yang tidak dapat dilihat. Pengkaji membayangkan perkara yang berlaku. Cara yang paling sesuai digunakan oleh pengkaji ialah menggunakan alat visual kerana boleh dirujuk semula dan memerhatikan sesuatu perkara yang telah berlaku di lapangan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini menggunakan teks *pengap gawai pangkung tiang* sebagai instrumen untuk merungkai unsur simbolisme. Tafsiran imej dalam teks memberikan makna dalam kajian ini. Teks yang dianalisis daripada informan dibandingkan dengan sumber daripada kajian kepustakaan. Imej dalam *pengap gawai pangkung tiang* berkait rapat dengan persekitaran dan kehidupan harian masyarakat Iban. Mereka menjadikan unsur alam mempunyai *semangat* atau roh (Lemambang Clement anak Luat, 2019).

Umumnya, burung ialah satu kepercayaan kaum Iban terhadap konsep *beburung*. Ini berkaitan dengan kepercayaan animisme yang mempercayai semua benda hidup mempunyai roh termasuk burung. Imej burung diterjemahkan dalam puisi *pengap gawai pangkung tiang* kerana orang Iban percaya konsep benda hidup mempunyai *bunsu* (Lemambang Melaka anak Mambang, 2019). Mereka ini perlu dihormati bagi mengetuai atau wakil burung contohnya *bunsu bubut* dan sebagainya. Pada masa dahulu, sebelum keluar menjalankan sesuatu pekerjaan atau beburu, mereka perlu mendengar bunyi burung. Sekiranya bunyi burung membawa maksud kihanatan yang tidak baik, mereka tidak akan turun. Bunyi burung *bubut* tidak disukai orang Iban kerana menandakan ada kematian akan berlaku (Laura, 2020).

Imej merupakan strategi yang digunakan *lemambang* menyampaikan hajat komunikasinya untuk menjadikan puisinya puitis. Ia bertujuan memancarkan cerminan hidup, nilai budaya, sikap, cara berfikir dan sebagainya. Kepelbagaian bahasa dengan diselitkan simbol telah menjadikan puisi indah dan berjaya menarik minat pembaca. Namun, tidak semua penuturnya mampu mentafsir simbol digunakan.

Rajah 3 ontoh Rangkap Pengap Gawai Pangkung Tiang

Nirika chandi tiang ranyai, Ngambi aki Lang Menaul Nyakai, Ngabang ari menua raya besai iya...	Berdirinya tiang ranyai, Memanggil Aki Lang Menaul Nyakai, Datang bertandang dari bersemayam..
Lalu mangka ka rumah panjai Sengalang Burong, Bunsu Bua Angin Nyabong, Lalu mangka rumah pandak...	Lalu menghentam rumah panjang Sengalang Burong, Oleh Bunsu Bua angin belawan, Lalu menghentam rumah pendek...
Ruya-ruya bunga raba, Nyadohka tubuh sida Ketupung lansik ninga...	Berjurainya bunga raba, Menyandarkan tubuh Ketupung yang tajam pendengaran...
Kati kita beragai enda ingat ka diri makai enda bebasu...	Boleh pula kamu Beragai lupa mencuci pingan...
Lalu angkat laki indai burung Nendak, Ngikup di tanah punchak lebak..	Lalu bangun suami indai burung Nendak, Tinggal di tanah jauh di gaung...
Mentua bekubu entis bulu burung beragai, Ke manah nyawa jauh lemai...	Kita berkubukan bulu burung Beragai, Yang bersuara merdu di waktu petang...
Didinga kekutap sida aki bisi burung, Disumpah Bejampung ke digela Bujang Geliga..	Kedengaran riuh membebel ada petanda, Disumpah Bejampung yang digelar Bujang Geliga...
Manggai di tuchung Bukit Nyabung, Ke begamal ledung-ledung, Pengurung manuk banda...	Hinggapi di atas Bukit Nyabung, Riak wajah meriangkan, Mengurung ayam banda..
Peda dih angkat aya Bujang Tuah, Dipadah Kunchau datai ngabang...	Kelihatan bangun Raja Tuah, Dipanggil Tempua datang beraya...
Peda terebai lelayang nyemilup remang, Minta nuan madahka Anda Mara...	Kelihatan terbang layang-layang di langit, Mohon kalian memanggil Anda Mara...

Menurut kepercayaan tradisi masyarakat Iban, imej burung merujuk kepada mitos Lang Singalang Burung serta menantunya. Semua jenis burung dalam teks puisi *pengap* membawa petanda kepada orang Iban (Sandin, 1977). Tambahan pula, semua jenis burung memiliki pelbagai watak yang mewakili dewa orang Iban (Freeman, 1957). Watak-watak burung ini menentukan penggunaannya dalam puisi

pengap sehingga mewujudkan makna setelah diterjemahkan maksud tersirat dan tersurat. Berdasarkan ini, imej burung melambangkan kihanatan bagi orang Iban sekiranya mereka terdengar bunyi burung tersebut. Bagi Jensen (1974), Raja Menjaya Manang boleh diseru melalui *bunsu bubut*. Namun, kebanyakan burung-burung dalam teks *pengap gawai pangkung tiang* memberi perlambangan yang baik kerana ia mendoakan pemilik rumah memperolehi kebahagiaan, tuah dan kesihatan di masa akan datang. Setiap burung mewakili setiap dewa iaitu menantu dewa Lang Singalang Burung.

Tambak burung ialah sejenis anak pokok yang ditanam semasa *ngentak* rumah / mendirikan rumah. *Tambak burung* perlu ditanam pada *tiang pemun* (tiang utama rumah). Sekiranya di rumah panjang, *tambak burung* ditanam pada tiang rumah *tuai* rumah. Fungsi simbol ini untuk menghalang petanda buruk yang datang dari kepercayaan *beburung* (Lemambang Ukat anak Chundi, 2019). Terdapat juga beberapa burung yang menjadi simbolisme kepada orang tengah iaitu pembawa pesanan dan petunjuk kehadiran deiti. Sebagai contoh, kelawar sangat penting menjadi pemandu arah kepada *manang* semasa upacara *belian* untuk mencari roh pesakit (Richard, 1981). Burung juga jelmaan kepada deiti ataupun wakil deiti. Semua jenis burung dalam teks puisi *pengap* mempunyai perlambangan tersirat. Simbol burung boleh dirujuk melalui jadual 1 tersebut.

Jadual 1 Imej Burung

Imej	Perlambangan
1. <i>Ketupung</i>	Kemampuan menggunakan pancaindera yang tajam (visual dan deria pendengaran)
2. <i>Beragai</i>	Memberkati kebahagiaan tuan rumah berkekalan.
3. <i>Bejampung</i>	Memberikan kejayaan kepada tuan rumah dalam menempuh kehidupan di dunia.
4. <i>Nendak</i>	Meninggalkan tuah dalam aktiviti pertanian dan memberkati rumah yang baru didirikan. Penyampai pesanan kepada deiti supaya hadir ke <i>gawai pangkung tiang</i> .
5. <i>Lang</i> (helang)	Keperkasaan, ketangkasan dan kegagahan, <i>Petara</i> Lang Singalang Burung.
6. <i>Kunchau</i> (tempua)	Penyampai berita dan menyeru <i>Petara</i> untuk menghadiri perayaan.
7. <i>Lelayang</i> (layang-layang)	Sebagai utusan menyeru <i>Petara Anda Mara</i> semasa <i>pengap gawai pangkung tiang</i> .

Kehadiran burung dalam kehidupan orang Iban tidak datang ke rumah tanpa tujuan. Kehadiran burung membawa pesanan atau amaran kepada pemilik rumah (Freeman, 1961: 146). Imej *Ketupung* simbol kepada pancaindera yang tajam. Tanda ketajaman penglihatan ditandai dengan burung *ketupung*. Tafsirnya ialah membantu mereka melakukan aktiviti seharian seperti pertanian, pendidikan dan lain-lain pekerjaan. Burung ini memiliki imej seorang pemimpin yang berwibawa untuk menyelesaikan pelbagai masalah. Imej *Beragai* sebagai petanda kebahagiaan tuan rumah. Burung *Beragai* memberikan tafsiran bahawa kebahagiaan penting untuk menjamin kelangsungan hidup dalam rumah tersebut supaya sentiasa dilimpahi kasih sayang. Imej *Bejampung* simbolik dengan kejayaan. Kadang kala menjadi penanda peperangan dan kehebatan. Imej burung ini mewakili keberkatan mencari rezeki.

Setiap pekerjaan yang dijalankan tuan rumah mampu memberi hasil atau pulangan yang baik supaya terus berjaya. Imej *Nendak* simbol kepada tuah dalam pertanian. Imej burung ini sangat sinonim dengan kehidupan orang Iban. Ini kerana kemunculan burung ini selalu diramalkan memberikan sesuatu yang baik. Imej *Kesindap* pula menjadi perantaraan kepada *lemambang* untuk berhubung dengan deiti. Imej *Lang* merupakan simbol keberanian dan kegagahan kerana sejenis burung yang kuat, tangkas dan berani. Kukunya yang tajam mewakili kekuatan. Simbol *Lang* interpretasi kehebatan pemilik rumah menempuhi liku-liku kehidupan. Imej *Kunchau* dan Imej *lelayang* pula membawa pesanan serta memanggil *petara* untuk menghadiri *gawai*. *Lelayang* mempunyai kebolehan terbang tinggi untuk diamanahkan menjadi utusan kepada *Petara Anda Mara*. Penggunaan simbol ini perlu melihat kepada implikasinya kepada kepercayaan orang Iban. Ia sebagai tanda untuk menerangkan kepada pendengar bahawa *pengap gawai pangkung tiang* medium komunikasi dengan *Petara* memberkati rumah dan menghalang kejadian yang tidak baik (Lemambang Clement anak Luat, 2019).

Freeman (1961), walaupun semua *petara* tidak dapat dilihat melalui pancaindera kehadirannya, namun kepercayaan tradisi orang Iban sangat kuat mengatakan deiti hadir setelah dipanggil dengan cara

yang betul. Kehadiran *petara* diperkukuhkan lagi dengan kehadiran imej burung atau simbol burung dilafazkan melalui puisi *pengap*. Orang Iban menterjemahkan imej burung berdasarkan tingkah laku burung tersebut. Dapatan ini turut diperkukuhkan dengan hasil kajian Freeman (1957), menegaskan orang Iban yang ingin meminta pertolongan perlu memanggil nama mereka melalui burung. Kesannya, imej burung turut diterjemahkan dalam puisi *pengap gawai pangkung tiang* untuk meminta pertolongan dari Petara bagi memberkati rumah baru. *Lemambang* dalam puisinya perlu menyebut nama burung supaya rumah yang baru didirikan diberkati oleh *Petara*. Imej burung *embuas* digunakan dalam *gawai* dipercayai membawa objek seperti *bedilang*, *ringka* dan *bengkung*. Kehadiran *Petara* apabila diterjemahkan dalam puisi *pengap gawai pangkung tiang* berkait rapat dengan *pengarap lama* (Sandin, 1977). Kehadiran mereka tidak dapat dilihat dan dirasai tetapi kekuatan kepercayaan orang Iban menterjemahkan penglibatan dewa dalam puisi menghasilkan budaya yang diperturunkan. Hasil kajian mendapati semua imej burung digunakan dalam puisi *pengap gawai pangkung tiang* membawa maksud tersirat dan tersurat yang baik kerana memberi *penchelap* kepada pemilik rumah. Terjemahan imej burung dalam puisi untuk membantu orang Iban bukan membawa kemudarat. Imej burung sebagai penyampai hajat untuk niat yang baik dalam puisi *pengap*.

KESIMPULAN

Walaupun puisi *pengap gawai pangkung tiang* merupakan penceritaan dari awal hingga akhir proses upacara *mengap* yang dilafazkan *lemambang*. Ia membuktikan unsur simbolisme seperti imej burung dipilih dalam ayat untuk menghasilkan teks puisi bukan sekadar belandaskan ritma akhir semata-mata tetapi memberi makna tertentu. Makna ini sekiranya tidak difahami oleh pemilik budaya menjadikan puisi *pengap gawai pangkung tiang* boleh pupus ditelan zaman kerana tiada kefahaman tentang maksud tersirat dan tersurat yang ingin disampaikan. Hasil kajian ini dapat menarik minat dan memberi peluang kepada generasi akan datang mempertahankan nilai budaya yang unik ini. Masyarakat hari ini harus bersifat terbuka supaya teks puisi yang lain dapat dirungkai dan mendedahkan budaya kaum sendiri kepada generasi seterusnya.

Rujukan

- Anthony Richards. (1981). *An Iban-English Dictionary*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Benedict Sandin. (1962). *Sengalang Burung*. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- Benedict Sandin. (1976). *Gawai Pangkong Tiang*. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- Benedict Sandin. (1977). *Sources Of Iban Traditional History*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Geertz, C. (1966). *Religion As a Cultural System*. Dalam *Anthropological Approaches to The Study of Religion*. In Banton, M. (Ed.) (pp. 1-46). London: Taristock.
- J.D Freeman. (1957). The Family System of The Iban of Borneo. *Cambridge Papers in Social Anthropology* 1, (pp. 15-52). Cambride.
- J.D Freeman. (1961). *Iban Augury*. *Anthropologica* II, (pp. 141-167). Brill.
- Kvale, S. (2007). *Doing Interview*. London: Sage Publications.
- Laura Seman. (2020). Imej Arketaip Dalam Puisi Sabak. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, Jilid 11, 88-97.
- Mazarul Hasan. (2017). *Tesis Fungsi Simbol Dalam Mantera Melayu Berdasarkan Model Peirce Hashim Awang*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Maxwell, J.A. (1996). *Qualitative Research Design: An Interactive Approach*. Thousand Oaks: Sage.
- Noria Tugang. (2014). *Pua Identiti dan Budaya Masyarakat Iban*. Kuching: Universiti Malaysia Sarawak.
- Noria Tugang. (2022). *Warisan Budaya Miring dalam Masyarakat Iban di Sarawak*. Kota Semarahan: UNIMAS Publisher.
- Patricia Ganing. (2016). Tanda, Penanda, Petanda Dalam Entelah Iban. *Tesis Ijazah Doktor Falsafah*. Falkulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan. Universiti Malaysia Sabah.
- Patricia Ganing, Asmiaty Amat & R. Masri Sareb Putra. (2024). Mimpi sebagai Medium Komunikasi Spiritual dalam Masyarakat Iban. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, 15(2), 1-17.
- Peirce, Charles Sanders. (1965). *Collected Papers of Charles Sanders Peirce (Vol. I & Vol. II)*. London: Belknap Press of Harvard University Press: London.
- Saripah Banseng & Rosline Sandai. (2017). Unsur Bahasa Kiasan Metafora dalam Sampi Iban. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, Jilid 8, 116-121.
- Sather, C. (1972). *Iban Agriculture Augury*. *Sarawak Museum Journal*, 34, 1-3.

- Steinmayer, O. (1990). The Borneo Literature Bureau: Publications in Iban and Other Borneo Language. *Borneo Buletin Research*, 22(2).
- Vinson & Joanne Sutlive. (1994). *Handy Reference Dictionary of Iban and English*. Kuching: Tun Jugah Foundation.
- Vinson dan Joanne Sutlive. (2001). *The Encyclopaedia of Iban Studies*. Kuching, Sarawak: Tun Jugah Foundation The Borneo Research Council.
- Weinsheimer, J. (1991). *Philosophical Hermeneutics and Literacy Theory*. Yale: Yale University Press.